

Tarikh: Seperti Tarikh Cetakan

## **INSURANS SAFE DEPOSIT LOCKER (POLISI EXCESS LAYER)**

### **Helaian Pendedahan Produk**

*(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Safe Deposit Locker (Polisi Excess Layer). Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)*

#### **1. Apakah keterangan tentang produk ini?**

Insurans Safe Deposit Locker (Polisi Excess Layer) ini menawarkan perlindungan untuk kerugian harta benda atau barang pelanggan Hong Leong Bank Berhad yang terkandung dalam lokar deposit selamat yang disewa kepada pelanggan oleh Hong Leong Bank Berhad dan ditempatkan dalam bilik kebal deposit selamat premis dan apabila harta benda atau barang atau lokar berada di dalam premis tersebut tetapi berada di luar bilik kebal deposit selamat untuk sementara waktu.

#### **2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?**

Insurans ini adalah insurans Excess Layer yang akan membayar pampasan lebihan untuk kerugian dan kerosakan yang dilindungi oleh Polisi Insurans Primer yang dikekalkan oleh Hong Leong Bank Berhad pada setiap masa sepanjang Tempoh Insurans. Jumlah maksimum yang diinsuranskan dalam Polisi Insurans Primer ialah RM10,000 untuk satu lokar deposit.

Insurans ini melindungi kerugian atau kerosakan terhadap harta benda anda yang berpunca daripada:

- Kecurian dan/atau Rompakan;
- Kerosakan Kebakaran;
- Kerosakan Air;
- Banjir;

Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Ia boleh diperbaharui pada setiap ulang tahun Tarikh permulaan Polisi dengan pembayaran premium seperti yang ditetapkan oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (“Syarikat”) pada masa pembaharuan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### **3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Premium tahunan yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung pada pelan yang dipilih.

<b>Jumlah Diinsuranskan Melebihi RM10,000 (RM)</b>	<b>Premium Kasar (RM)</b>	<b>#Premium yang Perlu Dibayar (RM)</b>
10,000	35.00	38.35
40,000	100.00	91.00
90,000	225.00	192.25

# Premium yang Perlu Dibayar adalah termasuk dengan diskaun langsung 25%, cukai perkhidmatan dan duti setem.

- Kadar premium pembaharuan yang dicajkan untuk insurans ini tidak dijamin dan Syarikat berhak menyemak kadar premium pada masa pembaharuan.

#### 4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

- | <u>Jenis</u>   | <u>Amaun</u>   |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cukai Perkhidmatan</li> <li>• Duti Setem</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• 8% daripada premium</li> <li>• RM10.00</li> </ul> |

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung Polisi ini.

#### 5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Pengambil Insurans layak memperoleh perlindungan melalui Insurans Safe Deposit Locker (Excess Layer Policy) untuk tempoh satu tahun. Polisi dan resit mesti disimpan sebagai rekod dan bukti perlindungan sepanjang tempoh sah insurans.
- Tiada perubahan pelan dibenarkan apabila perlindungan polisi bermula.
- Syarikat hanya akan bertanggungjawab di bawah insurans ini melainkan dan sehingga Syarikat di bawah Polisi Insurans Utama yang diselenggara oleh Hong Leong Bank Berhad telah membayar atau memperakui liabiliti untuk membayar amaun penuh kerugian dan kerosakan di bawah Polisi Insurans Utama.
- **Kepentingan Pendedahan** - Anda mesti berhati-hati untuk tidak membuat sebarang salah nyata semasa menjawab soalan dalam borang cadangan atau dalam sebarang permintaan yang dibuat oleh Syarikat dan mesti menyemak bahawa maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga harus mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat dalam penerimaan insurans ini, memutuskan terma dan premium yang akan anda bayar. Jika anda tidak mengambil perhatian yang munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjelaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk memberikan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat akan berterusan sehingga masa anda menyertai, membuat perubahan atau memperbaharui insurans anda.
- **Tunai Sebelum Lindung** - Insurans ini tidak akan berkuatkuasa kecuali premium belum bayar telah pun dibayar.
- **Notis tuntutan** - Sila sediakan notis bertulis kepada Syarikat dengan butir-butir penuh dalam tujuh (7) hari selepas menerima notis atau dimaklumkan tentang kecurian, rompakan, kerugian atau kerosakan lokar deposit selamat yang disewa daripada Hong Leong Bank Berhad. Anda boleh menghubungi mana-mana Cawangan MSIG atau penasihat insurans anda untuk memperoleh satu salinan borang tuntutan. Serahkan borang tuntutan yang telah diisi serta dokumen-dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda kepada Syarikat dengan secepat mungkin.

- Melainkan diperbaharui Perlindungan akan terhenti pada tarikh tamat tempoh dan selepas itu Syarikat bertegas tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat.
- Perlindungan insurans dengan mana-mana SATU unit lokar deposit selamat akan berhenti apabila sebarang tuntutan untuk kerugian dan kerosakan telah dibayar.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di dalam Polisi ini.

#### **6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi Insurans ini tidak melindungi kerugian dan kerosakan yang timbul daripada:

- Perang, pencerobohan, pertempuran, tindakan musuh asing, perang saudara, pemberontakan, tindakan ketenteraan atau rampasan kuasa atau pemerintahan tentera atau penyitaan menurut perintah mana-mana Kerajaan atau pihak berkuasa awam;
- Sebarang kerugian turutan;
- Sebarang liabiliti undang-undang tanpa mengira sifat.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi yang lengkap untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

#### **7. Bolehkah saya batalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami pada bila-bila masa. Setelah pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium yang diselaraskan atas dasar kami mengekalkan premium jangka pendek biasa atau premium minimum dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam polisi ini.

#### **8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat perhubungan saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

#### **9. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Safe Deposit Locker, sila hubungi kami di:

**Syarikat Insurans:**

**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**  
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)  
**Bancassurance/ Affinity & Online:**  
Tingkat 16, Menara Hap Seng 2,  
Plaza Hap Seng,  
No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur.  
**Talian MSIG Banca:** 1800-88-6163  
**Faks :** (603) 2070 5959  
**E-mel:** [bancahotline@my.msig-asia.com](mailto:bancahotline@my.msig-asia.com)

**Diedarkan oleh:**

**Hong Leong Bank Berhad**  
Tingkat 16, Hong Leong Tower,  
No. 6, Jalan Damanlela,  
Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur.

#### **10. Lain-lain jenis perlindungan yang ada:**

Sila hubungi kami untuk jenis perlindungan lain yang serupa.



**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**  
Registration No. 197901002705 (46983-W)  
Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur  
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1800 88 MSIG (6744)  
[www.msig.com.my](http://www.msig.com.my)

A member of **MS&AD INSURANCE GROUP**

**NOTA PENTING:**

**ANDA PERLU BACA DAN FAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT  
INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT  
SELANJUTNYA.**

**Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan ini adalah sah pada 1 Mac 2024**